

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

PERTANYAAN : SOALAN BERTULIS NO. 457

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas Bisnes U-Fun Store dan U Token yang disahkan haram di Thailand seperti dilaporkan dalam www.nationmultimedia.com pada 16 April 2015 dan di Malaysia dikatakan juga wujud dan dikendalikan oleh Tay Kim Long 40, Lee Kuan Ming 38 dan Wong Sing Hlia yang dikatakan terlibat di Thailand juga. Semoga tindakan segara pihak Kerajaan dapat mengelakkan rakyat Malaysia menjadi mangsa.

JAWAPAN:

Syarikat ini telah disenarai dalam “Peringatan kepada Pengguna (*Financial Consumer Alert*)” di laman sesawang Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Langkah ini telah diambil dalam usaha membendung penularan kegiatan haram pelaburan oleh penganjur yang tidak bertanggung jawab.